

KOSMO 5/7/2023 M/S. 7

## 315 jemaah sahabat maktab lancarkan masyair



**SYED SALEH** menyampaikan cenderamata dan sijil kepada wakil sahabat pada majlis meraikan mereka di Hotel Abraj Al-Jabadiyah, Mekah semalam.

**MEKAH** – Tabung Haji (TH) melahirkan rasa terharu kepada 315 jemaah haji yang dilantik sebagai sahabat maktab kerana telah menyumbang bakti dengan penuh dedikasi sepanjang berkhidmat di Tanah Suci.

Ketua Rombongan Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, kegigihan itu dapat dilihat ketika beliau turun padang membuat tinjauan ketika dan sebelum operasi Masyair.

Katanya, sumbangan tenaga dan buah fikiran sahabat maktab yang terdiri daripada 225 (hujaj), ibadat (54) dan medik (36) dapat melicinkan kemasukan jemaah ke 10 buah khemah di Arafah, Muzdalifah dan Mina.

“Sahabat maktab telah membantu mengatasi pelbagai isu semasa. Hanya Allah SWT yang dapat membalas segala sumbangan, kesungguhan dan keprihatinan

ketika menjalankan tugas.

“Di atas permintaan dan bagi menghargai kerja keras dan keprihatinan sahabat maktab, saya ingin mengumumkan bahawa vest kelabu dan topi yang diberikan boleh disimpan sebagai kenangan manis musim haji kali ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Meraihan Sahabat Maktab TH di Hotel Abraj Al-Janadriyah di sini semalam.

Pada majlis itu, Syed Saleh turut menyampaikan sijil penghargaan kepada kesemua sahabat maktab.

Menurut Syed Saleh, kehadiran sahabat maktab telah menjadikan program TH dapat dilaksanakan dengan jayanya termasuk ketika operasi ketibaan jemaah, kempen kebersihan, pergerakan ke Masyair.